



مَحْلِيسِ دَارَةِ غُوا مُسَانْجٍ
MAJLIS DAERAH GUA MUSANG
18300 GUA MUSANG,
KELANTAN DARUL NAIM.

Yang Dipertua : 09-912 1505
Setiausaha : 09-912 1493
Pejabat Am : 09-912 0235
Faks : 09-912 1044
Emel : mdgm@kelantan.gov.my
Laman Web : mdgm.kelantan.gov.my



Fail MDGM : 12/3/6 ()
Bertarikh : 20 Zulhijjah 1446H
Bersamaan : 17 Jun 2025

Kemajlis

- SESIAPA YANG BERKENAAN-

.....
.....

Tuan/Puan,

NOTIS PEMBERITAHUAN : AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) DAN UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU-RAYAU MAJLIS DAERAH GUA MUSANG 2012

2. Adalah dimaklumkan bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) telah menjalankan operasi bagi haiwan merayau-rayau di bawah Undang-Undang Kecil 3, Haiwan Merayau-Rayau Majlis Daerah Gua Musang 2012 dan keterangan berhubung haiwan merayau-rayau yang ditahan dan ditangkap adalah sebagaimana berikut:-

2.1 Dua (2) ekor anak lembu betina dan satu (1) ekor anak lembu Jantan di Jeram Tekoh.

3. Walaubagaimanapun, sehingga kini tangkapan masih belum dituntut oleh mana-mana pihak dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh tangkapan sebagaimana Undang-undang Kecil 5, Haiwan Merayau-rayau Majlis Daerah Gua Musang 2012.

4. Selanjutnya, pihak MDGM akan mengambil tindakan pelupusan / jualan / lelongan barang tahanan / sitaan / rampasan daripada operasi haiwan merayau-rayau tersebut sebagaimana berikut :-

BIL	KETERANGAN HARTA	NO. PENANDA	KUANTITI	TARIKH TAHANAN	HARGA LANTAI (RM)
1	<ul style="list-style-type: none"> Anak lembu betina (2 ekor) Anak lembu Jantan (1 ekor) 	A, B & C	3	12/6/2025	2500.00 (3 ekor)



BERSIH, INDAH, CERIA

5. Sehubungan dengan itu, proses pelupusan / jualan / lelongan barang tahanan / sitaan / rampasan akan dibuat pada tarikh sebagaimana berikut:-

Tarikh : 19 Jun 2025 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Paun Tahanan (Taman Tasik Gua Musang)

5. Tuan / Puan yang berminat boleh hadir membuat tawaran pada hari yang ditetapkan. Harga akan dilupuskan berdasarkan harga tawaran tertinggi. Bayaran perlu disempurnakan dengan segera pada hari yang sama sebelum jam 1.00 petang sebelum haiwan tersebut dapat diserahkan kepada pembuat tawaran yang berjaya dengan kos, risiko dan pengangkutan berkaitan semasa dan selepas jualan tersebut dibawah tanggungjawab pihak tuan / puan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD HAMIDAN BIN UDZIR DAH)
Setiausaha,
Majlis Daerah Gua Musang



Borang H

Undang-Undang Kecil 4 (1)

UNDANG – UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU-RAYAU MAJLIS DAERAH GUA MUSANG

NOTIS TANGKAPAN

Adalah dimaklum bahawa haiwan yang dinyatakan di dalam jadual dibawah ini telah ditangkap 12/06/2025 di kawasan Jeram Tekoh kerana didapati merayau-rayau dalam kawasan awam mengikut kuatkuasa Undang-Undang Kecil 2, Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau-Rayau Majlis Daerah Gua Musang 1983.

2. Dengan ini pemunyanya atau penjaga haiwan/haiwan-haiwan berkenaan diberi notis **(3) hari** dari tarikh tangkapan untuk membuat tuntutan ke atas haiwan / haiwan-haiwan tersebut.
3. Jika selepas tempoh **(3) hari** dari tarikh tangkapan Majlis tidak menerima apa-apa tuntutan, haiwan / haiwan-haiwan tersebut akan dilelong / dilupuskan mengikut Undang-Undang Kecil 5 dan 6, Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau-Rayau Majlis Daerah Gua Musang 1983.
4. Pemunya atau penjaga haiwan / haiwan-haiwan terlibat bolehlah memeriksa atau mengenalpasti haiwan / haiwan-haiwan di paun Majlis Daerah Gua Musang, pada bila-bila masa.

Perihal Haiwan	Bilangan	
	Jantan	Betina
LEMBU	1	2

Tarikh : 15/06/2025

Afro.
Setiausaha
Majlis Daerah Gua Musang